

## Komunikasi berimplikatur: Pelestarian Warisan Kesantunan Bahasa Melayu pada Papan Tanda Lalulintas di Negeri Pahang

Noli Maishara Nordin<sup>1\*</sup>, Roslan Sadjirin<sup>2</sup>, Roslina Abdul Aziz<sup>1</sup>,  
Normadiana Mohammad Hanapi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
nolinordin@pahang.uitm.edu.my, leenaziz@pahang.uitm.edu.my

<sup>2</sup>Fakulti Sains Komputer dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
roslancs@pahang.uitm.edu.my

<sup>3</sup>Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang,  
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia  
normadiana@pahang.uitm.edu.my

\*Penulis Rujukan

**Abstrak:** Masyarakat Melayu lazimnya terkenal dengan kesantunan yang tinggi serta kehalusan budi bahasanya. Kesantunan tersebut sentiasa dizahirkan melalui penggunaan bahasa tersirat ataupun komunikasi berimplikatur yang diaplikasikan dalam pertuturan dan penulisan. Namun, tradisi penggunaan komunikasi berimplikatur dalam masyarakat Melayu yang telah diamalkan sejak dahulu lagi telah diperkembangkan ke satu dimensi yang berbeza dan lebih segar seperti yang dipaparkan pada papan tanda lalulintas. Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau komunikasi berimplikatur melalui analisis Teori Relevans dengan menggunakan papan tanda lalulintas di Negeri Pahang bagi mensahihkan pernyataan di atas. Komunikasi berimplikatur yang terdapat pada papan tanda lalulintas tersebut akan dihuraikan menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis method) bagi memudahkan pemahaman untuk mengetahui fungsi sebenar penggunaannya dalam masyarakat Melayu. Hasil kajian ini mencadangkan bahawa fungsi ujaran yang berimplikatur pada papan tanda lalulintas di negeri Pahang bertindak sebagai sindiran, penyataan kekecewaan dan peringatan kepada masyarakat melayu khususnya dan pengguna jalan raya amnya. Justeru, warisan kesantunan Bahasa Melayu dapat terus dilestarikan melalui komunikasi berimplikatur pada papan tanda lalulintas untuk generasi mendatang.

**Kata Kunci:** Fungsi, Kesantunan Melayu, Komunikasi Berimplikatur, Papan Tanda Lalulintas

### 1. Pengenalan

Komunikasi merupakan elemen yang penting dalam realiti kehidupan dan sentiasa diberi tumpuan lantaran ia merangkumi pelbagai aspek hubungan antara manusia. Penekanan dan tumpuan terhadap aspek komunikasi ini menjadi titik fokus pengkaji-pengkaji terdahulu kerana komunikasi yang sukar difahami dan lemah punca kepada kebanyakan masalah yang berlaku manakala komunikasi yang efektif adalah tunggak penyelesaian kepada kebanyakan masalah (Pearson & Nelson, 2000).

Dapatan kajian pengkaji-pengkaji terdahulu telah menegaskan bahawa berkomunikasi merupakan keperluan harian individu yang bertujuan sama ada menzahirkan pendapat dan perasaan, berkongsi dan bertukar idea serta maklumat dengan orang lain melalui proses yang berlangsung dengan baik (Abdul Mua'ti, 2005). Proses komunikasi terbentuk dengan interaksi dan transaksi yang mana kedua-duanya proses ini boleh berlaku serentak (Mohd Badarudin & Mohd Khairie, 2006). Interaksi merupakan pertukaran komunikasi yang memerlukan individu menunggu giliran dalam menghantar dan menerima mesej. Manakala transaksi melibatkan proses menghantar dan menerima pada masa yang sama. Proses transaksi yang berlaku menunjukkan jalinan di antara penghantar dan penerima mesej dalam mencipta makna komunikasi.

### 1.1 Komunikasi Berimplikatur dan Komunikasi Bereksplikatur

Evolusi komunikasi berkisar pada dua konsep utama yang sering berhubungkait iaitu komunikasi berimplikatur dan komunikasi bereksplikatur. Nor Hashimah (1992) menjelaskan, implikatur ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam perbualan. Mesej yang diterima merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa mesej yang disampaikan. Eksplikatur secara kontranya, ialah mesej yang tersurat dan jelas yang disampaikan oleh penutur dalam perbualan. Pendengar biasanya akan terus memahami maksud sebenar mesej eksplikatur tanpa memerlukan taksiran mendalam. Walaupun begitu, kaedah implikatur tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej menerusi konteks interpretasi perlambangan dan persekitaran yang diberikan. Penggunaan komunikasi implikatur dalam ayat penyata, ayat interogatif dan ayat figuratif mempunyai fungsi dan tujuan tersendiri dalam memberikan keterangan sesuatu perkara (Nik Safiah Karim et al., 2011). Hal ini bersesuaian dengan masyarakat Melayu yang begitu mementingkan nilai kesantunan, kesopanan dan kiasan bahasa ketika berkomunikasi.

### 1.2 Kesantunan Bahasa dalam Komunikasi dan Masyarakat Melayu

Komunikasi atau pertuturan yang mudah difahami adalah satu kemahiran yang perlu dikuasai. Hal ini kerana percakapan yang sukar difahami akan menimbulkan tafsiran yang menyimpang daripada maksud sebenar. Komunikasi menjadi mudah jika ujaran yang diluahkan oleh penghantar mesej tidak mempunyai makna yang tersirat. Walaubagimanapun, dalam masyarakat melayu yang terkenal dengan kesantunan bahasanya, adakalanya perkara yang disampaikan tidak seperti yang diucapkan. Implikatur ayat figuratif banyak digunakan oleh masyarakat melayu dalam penuturan dan penulisan yang menerapkan unsur-unsur kiasan, perumpamaan, bidalan, metafora, ironi dan sebagainya (Mustaffa, 2010). Menurut Jacobson (2010) pula, manusia kebiasaannya tidak menuturkan apa-apa yang cuba dimaksudkan, sebaliknya selalu menyampaikan sesuatu melebihi maksud perkataan yang diujarkan. Secara ringkasnya, ujaran yang disampaikan itu tidak mempunyai maksud seperti yang diucapkan. Proses menentukan makna sesuatu ujaran, pada dasarnya adalah rumit kerana ia melibatkan berbagai proses minda yang kompleks (Fromkin and Rodman, 2000). Kejayaan sesuatu komunikasi bergantung kepada interpretasi dan tafsiran penerima maklumat berdasarkan konteks ujaran.

Secara dasarnya, tafsiran yang mendalam perlu dibuat oleh pendengar terhadap ujaran yang didengarinya. Dalam proses membuat taksiran, aspek-aspek lain seperti sosial dan budaya, ilmu asas bahasa serta niat penutur perlu diambil kira. Fromkin and Rodman (2000) turut menegaskan bahawa makna penutur adalah bergantung kepada konteks tertentu kerana ianya berbeza mengikut setiap perspektifnya. Hal ini sangat sesuai dengan kajian implikatur masyarakat Melayu yang banyak menggunakan bahasa tersirat, berselindung dalam percakapan dan malu menyampaikan hajat secara terus terang.

## 2. Pernyataan Masalah

Ujaran yang dituturkan oleh penyampai sentiasa mengandungi maksud dan makna tertentu. Pentafsiran yang salah terhadap penggunaan ayat yang pelbagai dalam perbualan mahupun penulisan memberi impak besar terhadap ketepatan maksud (Hashim, 2001). Hal ini berlaku disebabkan ketetapan maksud ujaran penyampai tersebut tidak dapat diukur hanya melalui ungkapan kerana individu itu ada kalanya mempunyai maksud yang lain dan bukan seperti yang diucapkan mengikut pemahaman pendengar pada ketika itu. Masyarakat Melayu sangat mengutamakan kesantunan dan kesopanan ketika berbahasa dan berkomunikasi. Sesuatu hajat dan keinginan disampaikan secara berselindung dan berlalip melalui ujaran yang disampaikan (Awang Sariyan, 2007). Secara ringkasnya, apa-apa yang diungkapkan secara

tersurat (eksplikatur) sebenarnya mempunyai makna yang tersirat (implikatur) yang melatarinya. Perkara ini bukan sahaja terdapat dalam pertuturan lisan, malah telah diaplikasikan pada papan tanda lalulintas yang sering dilihat di negeri Pahang yang dijadikan panduan oleh pemandu-pemandu jalan raya dari segenap bangsa dan agama. Walaubagaimanapun, kajian mengenainya amat terhad khususnya dalam aspek komunikasi berimplikatur (Mohd Aris dan Ahmad, 2012). Justeru, wajarlah papan-papan tanda lalulintas ini dikaji agar warisan kesantunan Bahasa Melayu dapat terus dilestarikan dan berada pada tempat yang sepatutnya bukan hanya di negeri Pahang malahan di seluruh negara.

### 3. Objektif Kajian

Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji komunikasi berimplikatur yang terdapat pada papan tanda lalulintas di negeri Pahang. Objektif kajian adalah untuk:

- i) menganalisa penggunaan komunikasi berimplikatur pada papan tanda lalulintas
- ii) mengenalpasti fungsi komunikasi berimplikatur pada papan tanda lalulintas
- iii) membincangkan sejauh mana komunikasi berimplikatur dapat menyampaikan mesej dengan memartbatkan kesantunan berbahasa kepada pengguna jalanraya

### 4. Metodologi

Bahan yang menjadi sampel kajian ialah papan-papan tanda lalulintas yang mempunyai ciri-ciri komunikasi berimplikatur dan komunikasi bereksplikatur yang terdapat di negeri Pahang. Papan tanda lalulintas ini diselenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuantan, Pahang. Kaedah utama kajian ini adalah kaedah analisis kandungan (*Content Analysis Method*) di mana ungkapan pada papan tanda lalulintas akan diteliti dan isi utama yang menggambarkan komunikasi berimplikatur akan dicerakinkan dan dibandingkan dengan ujaran papan tanda lalulintas bereksplikatur. Komunikasi berimplikatur yang telah dikenalpasti akan disusun dan dikategorikan mengikut fungsinya. Bagi mengupas makna komunikasi tersebut, Teori Relevans yang memfokuskan kerelevanan sesuatu ujaran berdasarkan kepada konteks, kesan konteks, dan usaha memproses telah digunakan.

#### 4.1 Teori Relevans

Bidang pragmatik merupakan bidang yang sangat sesuai untuk mengkaji makna sesuatu ujaran. Bidang ini memberi fokus kepada kajian tentang penggunaan bahasa dan berbeza dengan kajian tentang bahasa, yang lebih tertumpu kepada struktur sintaks dan huraian bahasa (Nor Hashimah (1992). Konsep implikatur dan eksplikatur yang disepadukan dalam Teori Relevans (Sperber & Wilson, 2002) akan digunakan bagi mendapat makna dan fungsi ujaran.

Secara umumnya, Teori Relevans yang dirintis oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 bertujuan mengkaji komunikasi dengan cara realistik dari segi psikologi (Sperber & Wilson, 1995). Teras teori ini dikategorikan kepada dua set andaian, iaitu (1) andaian yang berhubung dengan kognisi secara umum dan dikenali sebagai Prinsip Kognitif Relevans dan (2) andaian yang berhubung secara khusus dengan komunikasi dan dikenali sebagai Prinsip Komunikatif Relevans;

- 1) Set andaian yang pertama iaitu Prinsip Kognitif Relevans menerangkan bahawa kognisi manusia dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevans. Oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevans dalam persekitarannya dan memproses input ini bagi mencapai relevans yang paling optimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan

andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan.

- 2) Set andaian kedua pula iaitu Prinsip Komunikatif Relevans menerangkan bahawa andaian relevans yang optimal memberikan mandat kepada prosedur pemahaman individu yang mana ia memandu individu terbabit dalam pencarian interpretasi yang betul tentang sesuatu ujaran (seperti yang dihajati). Pemahaman sesuatu ujaran dianggap sebagai proses membuat inferens hajat komunikatif dan informatif penutur.

Menurut Sperber dan Wilson (2002), Prinsip Komunikatif Relevans dan Relevans yang optimum merupakan kunci bagi Teori Relevans Pragmatik. Menurut mereka lagi, rangsangan nyata melalui pengucapan, isyarat atau gayalah yang mewujudkan andaian relevans yang optimum melalui usaha memproses dan kesan konteks. Dengan kata lain, pemrosesan maklumat dalam komunikasi manusia memerlukan usaha mental untuk mencapai kesan kognitif. Usaha untuk memberikan perhatian, mengingati dan menaakul diperlukan dan suatu kesan akan dicapai akibat proses pengubahan pada andaian atau pun kepercayaan pendengar melalui penambahan andaian baharu, pengguguran andaian lama, dan perubahan dari segi darjah andaian atau kepercayaan lama. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Teori Relevans ini mempunyai kekuatannya dan keupayaannya yang tersendiri untuk mencerakin ujaran berimplikatur pada papan tanda lalulintas di negeri Pahang.

## 5. Dapatan Kajian

Komunikasi berimplikatur digunakan oleh masyarakat melayu secara tradisinya untuk menggambarkan kesopanan apabila menyampaikan sesuatu maksud. Berbanding komunikasi bereksplikatur yang bersifat penerangan, arahan atau tegahan yang terang, jelas, nyata dan sangat mudah difahami, komunikasi berimplikatur walaubagaimanapun, menekankan maksud tersirat ujaran dan mempunyai fungsi-fungsi tersendiri apabila digunakan. Dalam konteks papan tanda lalulintas di negeri Pahang yang dikaji, antara fungsi ujaran yang berimplikatur adalah menyatakan sindiran, kekecewaan dan sebagai peringatan.

### 5.1 Fungsi Menyatakan Sindiran

Dalam masyarakat Melayu, sindiran digunakan agar tidak menyinggung perasaan orang yang mendengarnya. Sindiran boleh disampaikan secara halus sehingga kadangkala tidak disedari oleh pendengar. Namun, makna dan maksud sindiran tersebut dapat difahami sekiranya setiap perkataan didengari dan diteliti dengan sempurna. Antaranya dapat dilihat pada papan tanda lalulintas di persimpangan Jalan Industri Semambu II, Kuantan, Pahang seperti dalam **Rajah 1**.



**Rajah 1** Komunikasi berimplikatur; 'Saya pemandu kenderaan berat yang degil jika melalui simpang ini'

Ujaran pada **Rajah 1** yang bersifat komunikasi berimplikatur ini, dilihat melestarikan tradisi kesantunan bahasa Melayu, dengan menyampaikan ujaran berbentuk sindiran halus kepada pemandu. Frasa “...pemandu kenderaan berat yang degil...” memberi gambaran bahawa pemandu kenderaan berat tersebut sememangnya bersikap keras kepala melanggar undang-undang jalan raya seandainya menggunakan laluan itu. Frasa ini turut menyindir secara am perlakuan dan sikap kebanyakan pemandu kenderaan berat yang kurang beretika walaupun terdapat segelintir pemandu yang masih berhemah dalam pemanduan. Frasa berikutnya “...jika melalui simpang ini” sekali lagi menzahirkan kesantunan masyarakat melayu, di mana perkataan ‘jika’ memberikan dua pilihan kepada pemandu kenderaan berat, samada ‘mahu melalui simpang tersebut’ (bersifat negatif) ataupun ‘tidak mahu melalui simpang tersebut’ (bersifat positif) yang mana kesan kepada tindakan pemilihan perkataan ‘jika’ yang bersifat negatif atau positif itu dapat menjadi refleksi kepada sikap sebenar diri pemandu.



**Rajah 2** Komunikasi bereksplikatur; ‘Kenderaan berat dilarang masuk’

Perbandingan ujaran turut dilakukan kepada papan tanda lalulintas dalam **Rajah 2** yang didirikan di persimpangan Jalan Industri Semambu II, Kuantan, Pahang. Ujaran pada **Rajah 2** yang bersifat komunikasi bereksplikatur, secara jelas dan terang menyatakan frasa “...dilarang masuk’ yang memberitahu maksud kepada semua pemandu bahawa kenderaan berat seperti lori, bas, dan trailer tidak dibenarkan sama sekali melalui simpang jalan tersebut. Ini bererti, hanya pemandu yang memandu kenderaan ringan seperti kereta dan motosikal boleh menggunakan laluan itu, namun pemandu kenderaan berat perlu mencari laluan alternatif untuk sampai ke destinasi masing-masing dengan tidak melanggar peraturan jalan raya. Ujaran frasa “...dilarang masuk’ pada papan tanda ini adalah bersifat eksplisit yang terang dan jelas mengenai tegahan dan larangan untuk kenderaan berat menggunakan jalan terbabit dan kerap membawa konotasi negatif kerana masyarakat amnya tidak gemar dengan ujaran sebegitu.

Secara umumnya, ujaran pada **Rajah 1** yang berimplikatur, secara halus menyindir sikap pemandu kenderaan berat, yang tanpa paksaan, memilih untuk dilabelkan sebagai pemandu yang degil dengan melalui laluan tersebut. Dalam tradisi masyarakat Melayu, ujaran yang sedemikian adalah ujaran berbentuk sindiran halus yang melarang dan secara relevannya, pemandu kenderaan berat tersebut perlu mencari laluan alternatif dan memilih secara sukarela untuk menjadi pemandu yang berhemah dan bukan sebaliknya.

## 5.2 Fungsi Menyatakan Kekecewaan

Implikatur turut digunakan untuk menyatakan kekecewaan. Kekecewaan yang dialami boleh ditafsirkan sebagai perasaan tidak dihargai lalu diikuti dengan tindakan susulan samada positif ataupun negatif sebagai respon terhadap kekecewaan tersebut. Ujaran berimplikatur yang menyatakan kekecewaan dapat dilihat pada papan tanda lalulintas di Persiaran Sultan Abu Bakar, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang seperti dalam **Rajah 3**.

Ujaran pada **Rajah 3** yang bersifat komunikasi berimplikatur, dilihat lebih memartabatkan tradisi kesantunan bahasa Melayu, dengan menyatakan ujaran berbentuk kekecewaan secara halus. Olahan ayat kekecewaan yang berbentuk gabungan ayat interogatif (Tanya) dan soalan retorik yang membawa maksud implikatur digunakan dalam perbualan yang mengandungi unsur keraguan dan ketidakpastian (Mohd Amin Arshad, 2001). Dalam konteks ini, implikatur digunakan untuk memperkukuhkan keyakinan orang yang ditanya dan jawapan tidak diperlukan kerana kedua-dua pihak telah memahami keadaan dan situasi yang dihadapi.



**Rajah 3** Komunikasi berimplikatur; ‘Tak rasa bersalah ke...? Buang sampah dari kenderaan anda?’



**Rajah 4** Komunikasi bereksplikatur; ‘Simpanlah sampah di dalam kenderaan anda semasa dalam perjalanan’

Frasa soalan retorik “...*tak rasa bersalah ke?*” pada **Rajah 3** menunjukkan kekecewaan pihak bertanggungjawab yang bertungkus-lumus menjaga kebersihan bandar terhadap isu yang berkaitan. Adjektif ‘bersalah’ pada frasa itu juga memberi konotasi negatif dan secara tidak langsung, ianya dengan sopan mengajak pengguna jalanraya untuk berfikir secara pantas tanpa perlu menjawab secara zahir ‘iya, rasa bersalah’ ataupun ‘tidak, tiada rasa bersalah’ tentang perlakuan membuang sampah dari kenderaan dan tanggungjawab sebagai warganegara dalam menjaga kebersihan. Warganegara sewajarnya merasakan bahawa ujaran pada papan tanda tersebut menggambarkan lelah dan keluh kesah pihak berwajib terhadap usaha menjaga kebersihan yang tidak dihargai dan tidak mendapat kerjasama umum.

Rentetan dari ujaran kekecewaan pada **Rajah 3**, tindakan bijak dan respon positif yang penuh tertib masih terus dizahirkan oleh pihak berwajib dalam usaha menjaga kebersihan bandar dengan memberikan susulan ujaran bereksplikatur seperti dalam **Rajah 4**. Frasa “*Simpanlah sampah di dalam kenderaan...*” merujuk kepada seruan dan saranan sopan yang diberikan kepada pengguna jalanraya sebagai alternatif untuk tidak membuang sampah dari

kenderaan ke tempat-tempat yang tidak sepatutnya. Walaupun kecewa dengan sikap segelintir pengguna jalan raya yang tidak bertanggungjawab, cadangan penyelesaian itu tetap diberikan dengan penuh kesantunan.



**Rajah 5** Komunikasi bereksplikatur; ‘Jangan buang sampah dari kenderaan anda’

Perbandingan ujaran turut dilakukan kepada papan tanda lalulintas dalam **Rajah 5** yang didirikan di Persiaran Sultan Abu Bakar, Bandar Indera Mahkota, Kuantan, Pahang. Ujaran pada **Rajah 5** di atas yang bersifat komunikasi bereksplikatur, secara jelas dan terang menyatakan frasa ‘*jangan buang sampah...*’ yang memberitahu maksud kepada semua pengguna jalanraya bahawa mereka sama sekali tidak dibenarkan membuang sampah dari kenderaan. Perkataan ‘jangan’ dalam frasa ini sentiasa mempunyai konotasi negatif dan ianya kurang digemari oleh pendengar. Setiap kali perkataan ‘jangan’ diujarkan kepada pemandu, mereka seolah-olah lebih berkobar untuk melanggar norma perkataan itu dengan terus membuang sampah dari kenderaan. Justeru, ujaran bereksplikatur pada **Rajah 5** kurang memberi kesan kepada jiwa terhadap perlakuan membuang sampah oleh pengguna jalan raya.

Maka, jelaslah bahawa sampah yang dihasilkan semasa pemanduan oleh pemandu ataupun penumpang, tidak boleh dibuang keluar dari kenderaan tersebut samada di atas jalanraya atau kawasan sekitarnya. Perlakuan seumpama ini penting lantaran ianya menggambarkan imej sebenar rakyat Malaysia secara amnya dalam menitikberatkan kebersihan negara dan kesihatan sejagat.

### 5.3 Fungsi Sebagai Peringatan

Masyarakat Melayu juga menggunakan komunikasi berimplikatur sebagai medium memberikan peringatan secara sopan kepada pengguna jalan raya. Ujaran berimplikatur yang berfungsi sebagai peringatan dapat dilihat pada papan tanda lalulintas di KM19 Jalan Gambang-Kuantan Bypass, Pahang seperti dalam **Rajah 6**.



**Rajah 6** Komunikasi berimplikatur; “Ikut rasa binasa. Ikut suka duka. Ikut hati mati”

Ujaran pada **Rajah 6** yang bersifat implikatur, berfungsi sebagai peringatan yang melestarikan tradisi kehalusan masyarakat Melayu dalam berbahasa. Menurut Mustaffa (2010), bahasa figurative seperti metafora, ironi dan hiperbola tidak pernah gagal dalam menyampaikan mesej kepada pendengar. Mesej yang disampaikan melalui bahasa figuratif seperti frasa “*Ikut rasa binasa*”, “*Ikut suka duka*” dan “*Ikut hati mati*” ini, lebih berkesan tanpa menyinggung perasaan orang yang mendengar. Hal ini sangat bersesuaian dengan kaedah implikatur masyarakat melayu yang banyak menggunakan bahasa yang tersirat, berselindung dalam percakapan dan malu menyampaikan hajat secara terus terang.

Perbandingan ujaran turut dilakukan kepada papan tanda lalulintas bereksplikatur dalam **Rajah 7** dan **Rajah 8** di bawah yang didirikan di KM90 Jalan Kuantan-Jerantut dan Jalan Utama Bandar Damansara Kuantan, Pahang. Ujaran pada **Rajah 7** yang bersifat komunikasi bereksplikatur, secara jelas dan terang menyatakan frasa ‘*Awas kawasan kampung...*’ yang memberi peringatan kepada pemandu agar berwaspada dengan tahap kelajuan kenderaan di kawasan kampung atau taman perumahan. Perkataan ‘Awas’ memberi pemahaman bahawa pemandu perlu memandu perlahan serta berjaga-jaga terhadap mara bahaya yang bakal terjadi. Frasa imperatif ‘*Kurangkan laju*’ turut memberi pemahaman yang berkonotasi negatif lantaran ianya bersifat arahan kepada pemandu tanpa memberi ruang kepada mereka untuk berfikir tentang konteks yang akan berlaku dihadapan.



**Rajah 7** Komunikasi bereksplikatur; “Awas kawasan kampung. Kurangkan laju”



**Rajah 8** Komunikasi bereksplikatur; “Perlahan ler...!! Langgar anak orang baru tau...!!”

Ujaran pada **Rajah 8** yang turut bersifat komunikasi eksplikatur, dilihat tidak begitu mempraktikkan tradisi kesantunan berbahasa di kalangan masyarakat Melayu. Ianya



menyatakan ujaran berbentuk arahan secara jelas dan terang dan larangan keras akibat daripada perbuatan memandu dengan laju. Pemandu pada awalnya dikehendaki memperlahankan kenderaan di kawasan kampung dan perumahan dengan frasa "*Perlahan ler..!!*". Frasa yang berbentuk tidak formal ini akibat menggunakan partikel 'ler' sebagai ganti partikel 'lah' yang rasmi, merupakan frasa arahan dan seruan kepada pemandu dan ditegaskan arahan ini dengan dua kali tanda seru. Justeru, sambungan frasa "*Langgar anak orang baru tau..!!*" yang turut bersifat tidak formal akibat penggunaan partikel 'tau' sebagai ganti adjektif 'tahu', adalah peringatan keras dengan dua kali tanda seru di akhir frasa, terhadap mara bahaya yang ingin disampaikan seandainya pemandu meneruskan pemanduan pada kelajuan yang tinggi di kawasan perumahan.

## 6. Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan analisis komunikasi berimplikatur pada papan tanda lalulintas di negeri Pahang yang dilakukan dengan menggunakan Teori Relevans, jelas menunjukkan masyarakat Melayu berjaya menggunakan kata-kata yang berlapis untuk menyampaikan sesuatu hajat bukan sahaja melalui pengucapan lisan atau teks penulisan, malah turut diaplikasikan pada papan-papan tanda lalu lintas di negeri Pahang. Dalam menghasilkan ujaran yang lembut tetapi mempunyai makna yang mendalam, segala unsur perlambangan dan persekitaran turut dikaitkan dalam ujaran. Kebolehan mengaitkan dengan konteks membolehkan maklumat yang hendak disampaikan difahami dengan baik. Tradisi kesantunan masyarakat Melayu dalam berbahasa yang sentiasa berkias dan berimplikatur adalah mudah untuk difahami lantaran warisan kesantunan ini terus diamalkan sehingga kini. Masyarakat Melayu berkemampuan berfikir menyimpang daripada pola yang sama, berfikir diluar kerutinan, melihat sesuatu daripada perspektif baru, serta sanggup mencabai andaian dan konsep lama (Mohd Azhar, 2006).

Secara ringkasnya, penggunaan papan tanda lalulintas dengan ujaran berimplikatur yang penuh sopan disarankan penggunaannya bukan hanya di negeri Pahang oleh JKR Kuantan, Pahang malah turut perlu diaplikasikan di seluruh negara oleh JKR yang berwajib. Fungsi ujaran yang berimplikatur dalam menyatakan sindirin, kekecewaan dan peringatan ini, adalah satu mekanisma pelestarian warisan kesantunan Bahasa Melayu pada dimensi yang berbeza dan lebih segar agar nilai kesopanan terus bercambah dan subur dalam setiap individu warganegara Malaysia.

## 7. Rujukan

- Abdul Mua'ti. (2005). Panduan pengucapan awam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). Santun berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fromkin, V., & Rodman, R. (2000). An introduction to language. Amerika Syarikat: Harcourt.
- Hashim Fauzy Yaacob. (2001). Komunikasi antara manusia. Skudai: Penerbit UTM.
- Jacobson, R. R. (2010). The interpretation of indirect speech acts in relevance theory. *The journal of linguistics and intercultural education*. Vol 3, pp 7-19.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. (2012). Fungsi dan peranan komunikasi berimplikatur dalam budaya masyarakat Melayu Islam. *Proceeding of world conference on Islamic thought*.
- Mohd Azhar Abd Hamid. (2006). Beberapa aspek tamadun Melayu, India, Cina dan Jepun. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Baharudin Othman & Mohd Khairie Ahmad. (2006). Pengantar komunikasi. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Mustaffa Sazali Mustaffa. (2010). The interpretation of implicature: A comparative study between implicature in linguistics and journalism. *Journal of language teaching and research*, Vol. 1, No 1, pp.35-43.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Omn, Hashim Haji Muda & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan Pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pearson J. C., & Nelson P. E. (2000). *An introduction of human communication understanding and sharing*. Amerika syarikat: McGraw Hill.
- Wilson, D., & Sperber, D. (2002). *Relevance theory*. Proceedings of the Tokyo conference on psycholinguistics.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and Cognition*. Edisi Kedua. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D. (2002). "Pragmatics, Modularity and Mind-reading" dlm *Mind and Language*, 17:1-2: 3-23, 2002.